



**TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATIN SERI ROBA'AISHAH BINTI MOHD GHAZALI**

**PENGERUSI**

**PUSPANITA CAWANGAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

**SEMPENA**

**LAWATAN *TECHNOLOGY UPDATE***

**KE**

**MENARA MAXIS BERHAD, KLCC**

**anjukan**

**BIRO ICT PUSPANITA CAWANGAN KEMENTERIAN DALAM  
NEGERI**

**4 JULAI 2019 (KHAMIS), 10.00 PAGI**

**DI ARAS 25, MENARA MAXIS, KLCC**

BISMILLAHIRAHMANIRAHIM  
ASSALAMUALAIKUM                      WARAHMATULLLAHI  
WABARAKATUH dan SALAM SEJAHTERA

Yang Berbahagia Datin Hj Nazirah binti Abdul Hamid, Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kecil Jabatan Pendaftaran Negara, YBhg. Datin Indera Mariam binti Ismail, Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kecil Jabatan Imigresen Malaysia, YBhg. Datin Yuzaira binti Yusof, Timbalan Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kecil Ibu Pejabat KDN serta Timbalan–Timbalan Pengerusi Cawangan Kecil yang sudi hadir pada hari ini;

Yang Di Hormati Puan Mariam Bevi Batcha, *Chief Corporate Affairs Officer*, Mr Senthil Balan, *Head of Government – Enterprise* dan juga Mr Muzzammil

Mashor, *Segment Head, Governement* daripada Maxis Berhad ; serta

Puan-Puan ahli PUSPANITA yang dikasihi sekalian,

1. ALHAMDULILLAH. Setinggi-tinggi kesyukuran dirafakkan kepada Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan kurniaNya, dapat kita bersama-sama lagi pada hari yang penuh bermakna ini.
2. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada PUSPANITA Cawangan Kecil Ibu Pejabat KDN, selaku Biro Kebajikan dan ICT kerana telah menganjurkan Lawatan ke Maxis Berhad pada hari ini ini. Sememangnya lawatan ini merupakan satu peluang keemasan yang jarang sekali diperolehi dikalangan ahli PUSPANITA.

3. Setinggi-tinggi ucapan terima kasih juga saya ucapkan kepada pihak Maxis Berhad kerana sudi menerima kunjungan kami pada hari ini. Tanpa sokongan daripada semua pihak, tentunya program ini tidak dapat dilaksanakan.
4. Pendedahan masyarakat Malaysia terhadap perkembangan ICT sangat membanggakan khususnya di kawasan-kawasan bandar. Kemunculan ICT adalah gambaran terhadap peluang dan cabaran untuk menggerakkan masyarakat dan pelbagai sektor ke arah memanfaatkan sepenuhnya perkembangan teknologi ini.
5. Perkembangan ICT telah membawa faedah yang sangat besar terhadap kemajuan wanita di Malaysia khasnya. ICT wajar diperkukuhkan dan diperluaskan penggunaannya sebagai satu strategi pembangunan dan pemusatan keupayaan di kalangan wanita. Dengan cara ini, faedah jangka panjang ialah meningkatnya minat untuk mereka belajar dan menguasai ilmu serta kemahiran teknologi yang sentiasa berkembang dari semasa ke semasa.
6. Di samping itu juga, kepesatan perkembangan ICT turut memberikan faedah dan peluang dalam memperluaskan pengetahuan dikalangan generasi muda iaitu anak-anak kita semua. Jika dilihat Generasi Y pada masa kini adalah lebih peka dan mahir berkaitan teknologi ICT berbanding generasi sebelum ini. Ini merupakan suatu perkembangan yang positif sejajar dengan hasrat negara untuk menjadi negara maju di mana kemahiran teknologi ICT adalah suatu kemahiran yang perlu diterokai dan dipelajari oleh golongan generasi muda pada masa kini.

Sidang hadirin sekalian,

7. Kita sememangnya sedia maklum bahawa Maxis merupakan sebuah syarikat telekomunikasi terkenal di Malaysia. Kepantasan perkembangan teknologi semasa tidak pernah menjadi penghalang untuk Maxis terus menghasilkan perkhidmatan dan produk berkualiti dan berteknologi tinggi setanding dengan syarikat telekomunikasi yang lain.
8. Kita amat bertuah kerana pada hari ini kerana pihak Maxis Berhad sudi menerima kunjungan kami, ianya secara tidak langsung membuka ruang dan peluang kepada kami semua untuk mengetahui dan melihat perkembangan teknologi telekomunikasi serta budaya kerja di Maxis Berhad.
9. Lawatan pada hari ini dianjurkan bukan hanya untuk melihat perkembangan teknologi telekomunikasi Maxis Berhad tetapi turut bertujuan untuk mewujudkan *networking* antara PUSPANITA dengan sektor korporat.
10. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada barisan jawatankuasa PUSPANITA Cawangan Kecil Ibu Pejabat serta pihak Maxis Berhad yang telah bertungkus-lumus dan mempamerkan komitmen yang tinggi bagi memastikan lawatan kerja pada kali ini dapat direalisasikan.
11. Saya berharap semua peserta lawatan kerja ini dapat memanfaatkan peluang yang diperoleh pada hari ini dan dapat disampaikan kepada mereka yang tidak dapat menyertai program ini.

Sekian, WABILLHAHHITAUFIK WALHIDAYAH  
WASSALAMUALIKUM WARAHMATULLAH  
HIWABARATUH